

# Program, dasar KBS berpandu suara belia

**Kuala Lumpur:** Semua program dan dasar Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan berpandukan 'suara' kira-kira 12 juta belia di negara ini, kata Ketua Setiausaha KBS, Datuk Jamil Salleh.

Beliau berkata, transformasi KBS mengikut acuan dan aspirasi belia akan dijayakan Institut Pengajian Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi kajian bagi pihak kementerian.

Katanya, kajian berkenaan meliputi dasar dan program yang relevan, selari dengan arus perdana, selain menggalakkan penyertaan belia untuk menentukan hala tuju KBS dan mencorak masa depan negara.

"Beberapa program kementerian yang dirangka untuk belia didapati hambar kerana tidak mengikut 'selera' golongan itu atau kurang menepati matlamat penganjuran.

## **Hiburan tak melalaikan**

"Contohnya, belia dan hiburan tidak dapat dipisahkan tetapi mereka harus dididik supaya pengisian berbentuk hiburan tidak melalaikan hingga tersasar daripada matlamat program.

"Kita nak beri pendedahan kepada belia menjadi sebahagian daripada proses menggubal dasar negara dan merangka program, namun dalam masa sama membentuk sahsiah serta modal insan mereka," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau mewakili Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, merasmikan Persidangan Antarabangsa mengenai Belia (ICYOUTH) 2013, selain menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara IPSAS dan KBS, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Alumni UPM, Prof Madya Dr Mohammad Shatar Sabran.

Selain Khairy, persidangan tiga hari hingga Khamis ini turut mengundang tiga penceramah bagi merangsang pemikiran dan memperkasa penyertaan belia ke arah pembangunan negara.

## **Bakat kepemimpinan**

Antaranya, Pengarah Pusat Kajian Belia, Institut Siswazah Pendidikan, Universiti Melbourne, Australia. Prof Johanna Wvn:

Antara lokasi mer  
di Terowong Marni

